

Pernyataan Privasi Dalam Talian IBM

Pernyataan ini berkuat kuasa pada 01 Disember 2020.

Versi terdahulu Pernyataan ini boleh didapati [di sini](#).

Privasi anda adalah penting kepada IBM; mengekalkan kepercayaan anda adalah kepentingan utama bagi kami.

Pernyataan ini mendedahkan amalan maklumat bagi laman web IBM dan subsidiari kami, jenis maklumat yang dikumpulkan dan dijejak tentang pengguna laman web kami serta cara maklumat itu digunakan, dikongsi atau sebaliknya diproses di luar talian. Ia juga menerangkan cara kuki, suar web dan teknologi lain mungkin digunakan dalam perkhidmatan Awan IBM dan produk perisian kami. Rujukan kepada laman web, produk dan perkhidmatan IBM dalam Pernyataan Privasi ini termasuk aplikasi (atau "aplikasi"), program, dan peranti.

Pernyataan Privasi Dalam Talian IBM ini merupakan tambahan kepada [Pernyataan Privasi IBM](#).

Pernyataan ini digunakan untuk laman web IBM yang mempunyai pautan ke Pernyataan ini tetapi tidak digunakan untuk laman web IBM yang mempunyai Pernyataan Privasi sendiri. Di samping itu, ia tidak digunakan dalam keadaan apabila kami hanya memproses maklumat bagi pihak pelanggan untuk kepentingan mereka, seperti apabila kami bertindak sebagai pembekal perkhidmatan pengehosan web.

Kami mungkin menambah Pernyataan ini dengan maklumat tambahan yang berkaitan dengan interaksi tertentu yang lakukan dengan anda, seperti dokumen urus niaga atau pernyataan privasi khusus apabila anda memesan atau menggunakan perkhidmatan dalam talian.

Amalan privasi IBM yang berkaitan dengan maklumat yang dikumpulkan melalui [ibm.com](#), seperti yang diterangkan dalam Pernyataan Privasi ini, mematuhi Sistem Peraturan Privasi Merentas Sempadan APEC. Sistem CBPR APEC menyediakan rangka kerja bagi organisasi untuk memastikan perlindungan maklumat peribadi yang dipindahkan dalam kalangan ekonomi APEC yang menyertai. Maklumat lanjut tentang rangka kerja APEC boleh didapati [di sini](#) (PDF, 89 KB).

Sekiranya anda mempunyai pertanyaan atau aduan berkenaan dengan dasar atau amalan privasi kami, sila hubungi kami dengan menggunakan [borang](#) ini. Sekiranya anda mempunyai kebimbangan privasi atau penggunaan data yang tidak diselesaikan dan yang kami tidak tangani dengan memuaskan, sila hubungi pembekal penyelesaian pertikaian pihak ketiga kami yang berpusat di A.S. (secara percuma) [di sini](#).

- [Pengumpulan Maklumat Peribadi](#)
- [Penggunaan Maklumat Peribadi](#)

- [Penyimpanan](#)
- [Kuki, Suar Web dan Lain-lain Teknologi](#)
- [Pengiklanan Dalam Talian](#)
- [Pautan ke Laman Web Bukan IBM dan Aplikasi Pihak Ketiga](#)
- [Pemberitahuan Perubahan](#)
- [Soalan dan Akses Privasi](#)

Pengumpulan Maklumat Peribadi

Pengenalan

Anda boleh memilih untuk memberikan maklumat peribadi kepada kami secara langsung dalam pelbagai situasi. Sebagai contoh, anda mungkin ingin memberi kami nama dan maklumat hubungan anda untuk berkomunikasi dengan anda, untuk memesan produk, memproses pesanan, mendaftar bagi perkhidmatan, menyediakan langganan kepada anda atau untuk mengurus niaga dengan kami jika anda merupakan pembekal atau rakan perniagaan. Anda juga mungkin memberikan butiran kad kredit anda untuk membeli sesuatu daripada kami atau mungkin berkongsi maklumat pendidikan dan pengalaman kerja anda yang berkaitan dengan permohonan bagi peluang pekerjaan di IBM. Jika anda memberitahu kami bahawa anda tidak mahu kami menggunakan maklumat anda untuk menghubungi anda lagi selain daripada untuk memenuhi permintaan anda, kami akan menghormati kehendak anda.

Pendaftaran

Apabila anda ingin menerima maklumat, memuat turun penerbitan, mendaftar untuk acara secara langsung mahupun maya atau meminta percubaan, kami mungkin meminta anda untuk memberikan nama dan maklumat hubungan perniagaan anda, serta maklumat lain yang berkaitan dengan permintaan anda. Kami menggunakan maklumat ini berhubung dengan permintaan anda dan untuk berkomunikasi dengan anda. Dalam kebanyakan kes, maklumat ini juga mungkin mengenal pasti anda apabila anda melawat laman web kami. Kami akan menyimpan maklumat anda untuk kemungkinan interaksi masa depan dengan anda. Jika anda ingin memohon supaya kami tidak lagi menggunakan maklumat pendaftaran anda, sila hubungi kami dengan menggunakan [borang](#) ini.

Kami juga mungkin meminta anda mendaftar dengan IBMid, dalam keadaan sedemikian anda perlu memberikan nama anda, alamat e-mel, lokasi negara dan maklumat lain jika diperlukan bagi tujuan yang anda diminta untuk mendaftar. IBMid berfungsi untuk mengenal pasti anda secara unik apabila anda melawat laman web kami, mempunyai permintaan atau pesanan atau menggunakan sesuatu produk atau perkhidmatan. Untuk memesan kebanyakan perkhidmatan dan produk, kami mengkehendaki anda supaya telah mendaftarkan IBM ID. Pendaftaran dengan IBMid membolehkan anda menyesuaikan dan mengawal tetapan privasi anda. Produk dan perkhidmatan IBM tertentu mungkin memerlukan pendaftaran unik khusus bagi tujuan produk atau perkhidmatan itu. Dalam kes sedemikian, butiran pendaftaran yang diberikan oleh anda

untuk produk dan perkhidmatan itu hanya akan digunakan bagi tujuan khusus yang diperlukan untuk memberi anda produk dan perkhidmatan tersebut.

Lawatan laman web, perkhidmatan IBM Cloud dan aplikasi ("aplikasi")

Kami juga mungkin mengumpul maklumat yang berkaitan dengan penggunaan laman web kami, perkhidmatan IBM Cloud dan aplikasi ("aplikasi") oleh anda menerusi penggunaan pelbagai teknologi. Contohnya, apabila anda melawat laman web kami atau mengakses perkhidmatan IBM Cloud kami atau aplikasi, kami mungkin mengelol maklumat tertentu yang dihantar oleh pelayar atau peranti anda kepada kami, seperti alamat IP (termasuk maklumat yang diperoleh daripada alamat IP anda seperti lokasi geografi anda), sistem pengoperasian, jenis pelayar atau peranti, versi dan bahasa, masa akses, tempoh akses dan alamat laman web rujukan anda; kami juga mungkin mengumpul maklumat tentang penggunaan anda terhadap laman web atau aplikasi, termasuk log nahas dan penggunaan statistik, seperti halaman yang anda lihat dalam laman web kami, masa yang anda habiskan di setiap laman web dan tindakan lain yang anda ambil semasa melawat laman web kami. Apabila anda mengakses laman web kami tanpa IBMid atau mendaftar masuk, kami masih akan mengumpul sesetengah maklumat peribadi ini untuk membolehkan laman web berfungsi dengan baik.

Sehubungan dengan aplikasi mudah alih kami mungkin juga mengumpul maklumat tentang lokasi peranti anda, seperti maklumat geolokasi atau ID pengguna unik anda.

Di samping itu, sesetengah produk perisian, perkhidmatan IBM Cloud dan aplikasi kami mengandungi teknologi yang membolehkan IBM mengumpul maklumat tertentu tentang penggunaan produk dan perkhidmatan kami. Kami juga mungkin menggunakan teknologi sedemikian untuk menentukan sama ada anda telah membuka e-mel atau klik pada pautan yang terdapat dalam e-mel. Untuk mendapatkan maklumat tentang teknologi yang kami gunakan, sila lihat [Kuki, Suar Web dan Teknologi Lain](#) di bawah.

Maklumat pemasaran

Kebanyakan maklumat yang kami kumpulkan tentang anda diperoleh daripada interaksi langsung kami dengan anda.

Dari semasa ke semasa, kami juga mungkin mengumpul maklumat yang berkaitan dengan anda secara tidak langsung melalui sumber lain, seperti senarai vendor. Apabila kami berbuat demikian, kami meminta agar vendor mengesahkan bahawa maklumat tersebut telah diperoleh secara sah oleh pihak ketiga dan bahawa kami mempunyai hak untuk mendapatkannya daripada mereka dan menggunakannya.

Apabila anda mendaftar untuk sesuatu acara, kami mungkin mengumpulkan maklumat lanjut (dalam talian atau luar talian) berhubung dengan organisasi acara, dan semasa acara, seperti penyertaan dalam sesi dan hasil tinjauan. Acara mungkin dirakam dan foto kumpulan mungkin diambil. Kami berhak menggunakan foto untuk kegunaan promosi. Apabila anda memberi kami maklumat hubungan perniagaan anda (seperti dengan menyerahkan kad perniagaan), kami boleh menggunakannya untuk berkomunikasi dengan anda.

Maklumat yang kami kumpulkan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, mungkin digabungkan untuk membantu kami meningkatkan ketepatan dan kesempurnaan keseluruhannya, dan untuk membantu kami menyesuaikan interaksi kami dengan anda.

[Kembali ke atas](#)

Penggunaan Maklumat Peribadi

Perenggan yang berikut menerangkan dengan lebih terperinci tentang cara IBM mungkin menggunakan maklumat peribadi anda.

Memenuhi Permintaan Transaksi anda

Sekiranya anda meminta sesuatu daripada IBM, misalnya, produk atau perkhidmatan, panggilan balik, atau bahan pemasaran tertentu, kami akan menggunakan maklumat peribadi yang anda berikan untuk memenuhi permintaan anda. Untuk membantu kami melakukan ini, kami mungkin berkongsi maklumat dengan pihak lain, contohnya rakan perniagaan IBM, institusi kewangan, syarikat pengangkutan, pos atau pihak berkuasa kerajaan, seperti pihak berkuasa kastam, yang terlibat dalam pencapaian. Kami juga mungkin menghubungi anda sebagai sebahagian daripada tinjauan kepuasan pelanggan kami atau untuk tujuan penyelidikan pasaran.

Memperibadikan Pengalaman anda di Laman Web kami

Kami mungkin menggunakan maklumat peribadi yang kami kumpulkan tentang anda untuk memberikan pengalaman diperibadikan kepada anda di laman web dan perkhidmatan kami, seperti memberi anda kandungan yang mungkin anda minati dan memudahkan navigasi di laman web kami. Kami juga mungkin menggunakan maklumat ini untuk memperbaiki laman web kami.

Menyediakan Sokongan

Kami mungkin menggunakan maklumat peribadi anda untuk menyokong produk atau perkhidmatan yang telah anda perolehi daripada kami, seperti memberitahu anda tentang kemas kini atau memperbaiki produk. Kami mungkin menggabungkan maklumat anda dengan maklumat daripada interaksi lain dengan anda untuk memberi anda cadangan yang lebih bernilai berhubung dengan sokongan produk.

Kami juga menyediakan sesi "Sembang Langsung" di laman web kami untuk membantu anda semasa anda melayari laman web atau forum kami, ia membolehkan masalah dibangkitkan dan penyelesaian dicadangkan; kami akan menggunakan maklumat peribadi yang anda berikan dalam sesi ini atau dalam forum sedemikian selaras dengan Pernyataan Privasi ini.

Dalam usaha untuk menyediakan sokongan teknikal kepada anda, kadang-kadang kami mungkin mempunyai akses sampingan kepada data yang telah anda berikan kepada kami atau data yang terletak pada sistem anda. Data ini mungkin mengandungi maklumat tentang anda, kakitangan, pelanggan, rakan kongsi atau pembekal organisasi anda. Pernyataan Privasi ini tidak digunakan untuk akses atau pengendalian maklumat peribadi ini oleh kami; syarat-syarat tentang pengendalian dan pemprosesan data tersebut dirangkumi oleh Syarat Penggunaan yang

berkenaan atau perjanjian lain antara anda dan IBM, seperti Syarat Penggunaan untuk Pertukaran Data Diagnostik.

Perkhidmatan IBM Cloud dan aplikasi ("aplikasi")

Kami mungkin menggunakan maklumat yang dikumpulkan tentang penggunaan perkhidmatan IBM Cloud anda untuk membolehkan kami: membina statistik tentang penggunaan dan keberkesanan produk perisian kami, perkhidmatan IBM Cloud dan aplikasi kami; meningkatkan dan memperibadikan penggunaan dan pengalaman anda terhadap produk dan perkhidmatan kami; menyesuaikan interaksi kami dengan anda; memaklumkan pelanggan kami tentang penggunaan keseluruhan produk dan perkhidmatan mereka, dan memperbaiki serta mengembangkan produk dan perkhidmatan kami serta menyesuaikan atau memperbaiki interaksi dengan peranti anda; dan menyediakan laporan beragregat dan tanpa nama.

Pemasaran

Maklumat peribadi yang anda berikan kepada IBM, serta maklumat peribadi yang kami kumpulkan tentang anda secara tidak langsung, mungkin digunakan oleh IBM untuk tujuan pemasaran, iaitu, untuk memastikan anda tahu tentang acara, produk, perkhidmatan dan penyelesaian yang dijual oleh IBM dan yang mungkin melengkapi portfolio produk yang sedia ada. Walau bagaimanapun, sebelum kami berbuat demikian, kami akan menawarkan anda peluang untuk memilih sama ada anda ingin maklumat peribadi anda digunakan sedemikian. Anda boleh memilih untuk tidak menerima bahan pemasaran daripada kami pada bila-bila masa dengan mengikuti arahan hentikan langganan yang disertakan dalam setiap e-mel yang mungkin anda terima, dengan menyatakan sedemikian apabila kami menghubungi anda atau dengan menghubungi kami secara langsung (sila rujuk "Pertanyaan dan Akses Privasi" di bawah).

Sesetengah tawaran atau acara kami mungkin merupakan jenama bersama atau ditaja bersama oleh IBM dan pihak ketiga, seperti Rakan Perniagaan atau Penyedia Penyelesaian, yang menggunakan, menjual atau melengkapi produk atau perkhidmatan IBM. Tawaran dan acara yang merupakan jenama bersama akan jelas ditunjukkan apabila perkongsian sedemikian wujud. Sekiranya anda mendaftar untuk tawaran atau acara ini, sila ambil perhatian bahawa maklumat anda mungkin dikumpulkan dan dikongsi dengan pihak ketiga tersebut. Kami menggalakkan anda supaya membiasakan diri dengan dasar privasi pihak ketiga untuk memahami cara mereka akan mengendalikan maklumat tentang anda.

Jika anda memilih untuk "Menghantar Dengan E-mel Halaman Ini" kepada rakan atau rakan sekerja, kami akan meminta nama dan alamat e-mel mereka. Kami akan menghantar e-mel sekali sahaja secara automatik untuk berkongsi halaman yang anda nyatakan, tetapi tidak akan menggunakan maklumat tersebut untuk tujuan lain.

Pengambilan Pekerja

Berkenaan dengan permohonan atau pertanyaan pekerjaan, sama ada yang diiklankan di laman web IBM atau sebaliknya, anda mungkin memberi kami maklumat tentang diri anda, seperti resume. Kami mungkin menggunakan maklumat ini di seluruh IBM untuk mengendalikan pertanyaan anda atau mempertimbangkan anda bagi tujuan pekerjaan.

Pemantauan atau Rakaman Panggilan, Perbualan dan Interaksi Lain

Urus niaga dalam talian yang tertentu mungkin melibatkan anda menghubungi kami atau kami menghubungi anda melalui panggilan telefon. Ia juga mungkin melibatkan perbualan dalam talian. Harap maklum bahawa ia merupakan amalan umum IBM untuk memantau dan dalam keadaan tertentu, merekodkan interaksi sedemikian untuk latihan kakitangan atau bagi tujuan jaminan kualiti atau untuk menyimpan bukti transaksi atau interaksi tertentu.

Penggunaan Maklumat dalam Persekitaran Pengkomputeran Sosial

IBM menyediakan alat pengkomputeran sosial di beberapa laman webnya untuk membolehkan perkongsian dan kerjasama dalam talian dalam kalangan ahli yang mendaftar untuk menggunakannya. Ini termasuk forum, wiki, blog dan platform media sosial yang lain.

Semasa memuat turun dan menggunakan aplikasi ini atau mendaftar untuk menggunakan alat pengkomputeran sosial ini, anda mungkin diminta untuk memberikan maklumat peribadi tertentu. Maklumat pendaftaran akan tertakluk pada dan dilindungi selaras dengan Pernyataan Privasi ini, kecuali maklumat yang disediakan secara automatik kepada peserta lain sebagai sebahagian daripada profil anda. Aplikasi dan alat ini juga mungkin termasuk pernyataan privasi tambahan dengan maklumat khusus tentang amalan pengumpulan dan pengendalian. Baca pernyataan tambahan tersebut untuk memahami fungsi alat dan aplikasi tersebut.

Sebarang kandungan lain yang anda siarkan, seperti gambar, maklumat, pendapat atau sebarang jenis maklumat peribadi lain yang anda sediakan kepada peserta lain di platform sosial atau aplikasi ini, tidak tertakluk pada Pernyataan Privasi ini. Sebaliknya, kandungan sedemikian tertakluk pada Syarat Penggunaan aplikasi atau platform tersebut, dan sebarang garis panduan tambahan dan maklumat privasi yang disediakan berhubung dengan penggunaannya, serta proses yang membolehkan anda mengalih keluar kandungan anda daripada alat tersebut atau mendapatkan bantuan untuk berbuat demikian. Sila rujuk maklumat tersebut untuk memahami hak dan kewajiban anda, IBM serta pihak lain dengan lebih terperinci tentang kandungan sedemikian. Sila harap maklum bahawa kandungan yang anda siarkan di mana-mana platform pengkomputeran sosial sedemikian boleh menjadi tersedia secara meluas kepada orang lain di dalam dan di luar IBM.

Melindungi Hak dan Harta IBM serta Pihak Lain

Kami juga mungkin menggunakan atau berkongsi maklumat peribadi anda untuk melindungi hak atau harta IBM, rakan perniagaan kami, pembekal, pelanggan atau pihak lain apabila kami mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa hak atau harta tersebut telah atau mungkin terjejas. Di samping itu, kami mempunyai hak untuk mendedahkan maklumat peribadi anda sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang, dan apabila kami percaya bahawa pendedahan tersebut diperlukan untuk melindungi hak kami, atau hak pihak lain, untuk mematuhi prosiding kehakiman, perintah mahkamah, atau proses undang-undang terhadap laman web kami.

Maklumat untuk Rakan Perniagaan

Sekiranya anda mewakili rakan perniagaan IBM, anda mungkin melayari laman web IBM yang khusus untuk rakan perniagaan IBM. Kami mungkin menggunakan maklumat yang disediakan di laman web itu untuk mentadbir dan membangunkan hubungan perniagaan kami dengan anda,

rakan perniagaan yang anda wakili dan rakan perniagaan IBM secara amnya. Sebagai contoh, ini mungkin melibatkan penggunaan maklumat anda untuk menghantar butiran program rakan perniagaan IBM. Ia juga mungkin termasuk berkongsi maklumat tertentu dengan rakan perniagaan lain (tertakluk pada sebarang kewajipan kerahsiaan yang mungkin wujud), atau pelanggan atau prospek IBM. Berhubung dengan transaksi atau program tertentu, kami juga mungkin menghubungi anda sebagai sebahagian daripada tinjauan kepuasan pelanggan atau untuk tujuan penyelidikan pasaran.

Maklumat untuk Pembekal

Sekiranya anda mewakili pembekal IBM, anda mungkin melawat laman web IBM yang khusus untuk digunakan oleh para pembekal IBM. Kami mungkin menggunakan maklumat yang diberikan di laman web tersebut untuk mengadakan atau melaksanakan transaksi dengan anda. Sebagai contoh, ini mungkin termasuk berkongsi maklumat dengan bahagian IBM yang lain, rakan perniagaan IBM, pelanggan, syarikat pengangkutan, institusi kewangan dan pos atau pihak berkuasa kerajaan yang terlibat dalam pencapaian. Ia juga mungkin digunakan untuk mentadbir dan membangunkan hubungan kami dengan anda, pembekal yang anda wakili, dan pembekal lain IBM secara amnya.

Kanak-kanak

Melainkan dinyatakan sebaliknya, laman web, produk dan perkhidmatan kami tidak bermaksud untuk digunakan oleh kanak-kanak di bawah umur 16 tahun.

[Kembali ke atas](#)

Penyimpanan

IBM akan menyimpan maklumat peribadi anda (i) selagi diperlukan untuk memenuhi tujuan maklumat tersebut dikumpul atau (ii) sehingga anda membantah penggunaan maklumat anda oleh kami (sekiranya IBM mempunyai kepentingan sah untuk memproses maklumat anda), atau (iii) sehingga anda menarik balik persetujuan anda (sekiranya pemprosesan IBM berdasarkan persetujuan anda), melainkan kami dikehendaki oleh undang-undang untuk menyimpan maklumat peribadi anda buat tempoh yang lebih lama atau melainkan kami mempunyai alasan yang sah untuk menyimpan maklumat peribadi anda (sebagai contoh, sehingga keputusan muktamad atau penyelesaian tuntutan undang-undang yang berkaitan dengan maklumat peribadi anda).

Secara khususnya, maklumat pendaftaran anda akan disimpan selagi akaun atau IBMid anda aktif atau selagi diperlukan untuk menyediakan perkhidmatan kepada anda. Sekiranya anda ingin meminta supaya kami tidak lagi menggunakan maklumat pendaftaran anda untuk menyediakan perkhidmatan kepada anda, hubungi kami dengan menggunakan [borang](#) ini. Berhubung dengan perkhidmatan Awan IBM yang anda dibenarkan untuk menggunakannya oleh pelanggan IBM yang mempunyai perjanjian dengan IBM untuk perkhidmatan tersebut, maklumat pendaftaran anda mungkin disimpan untuk memenuhi keperluan tertentu pelanggan IBM tersebut.

[Kembali ke atas](#)

Kuki, Bikon Web dan Teknologi Lain

Seperti yang disebutkan di atas, kami mengumpulkan maklumat daripada lawatan anda ke laman web kami dan penggunaan perkhidmatan Awan IBM serta produk perisian kami untuk membantu kami mengumpulkan statistik tentang penggunaan dan keberkesanan, memperibadikan pengalaman anda, menyesuaikan interaksi kami dengan anda, dan menambahbaik produk dan perkhidmatan kami. Kami berbuat demikian melalui penggunaan pelbagai teknologi, termasuk skrip, tag, Objek Kongsi Tempatan (kuki Kilat), bikon Storan Tempatan (HTML5) dan "kuki".

Apakah itu kuki dan mengapakah kuki digunakan?

Kuki ialah sekeping data yang boleh dihantar oleh laman web ke pelayar anda, yang kemudiannya akan disimpan di komputer anda sebagai tag yang mengenal pasti komputer anda. Disebabkan kuki lazimnya hanya digunakan untuk mengukur penggunaan laman web (seperti bilangan pelawat dan tempoh lawatan) dan keberkesanan (seperti topik yang paling diminati oleh pengunjung) serta untuk memudahkan navigasi atau penggunaan dan, oleh itu ia tidak dikaitkan dengan sebarang maklumat peribadi, kadangkala ia juga digunakan untuk memperibadikan pengalaman pelawat yang diketahui bagi laman web dengan mengaitkannya dengan maklumat profil atau keutamaan pengguna. Selepas masa berlalu, maklumat ini memberikan cerapan yang berharga untuk membantu memperbaiki pengalaman pengguna.

Apabila pihak ketiga mengemukakan produk/perkhidmatan mereka dalam laman web IBM, IBM boleh menghasilkan agregat maklumat ketanpanamaan dan berkongsinya dengan mereka untuk membantu memahami jumlah pengguna yang berinteraksi atau menunjukkan minat terhadap produk/perkhidmatan mereka.

Kuki biasanya dikategorikan sebagai kuki "sesi" atau kuki "berterusan". Kuki sesi membantu anda menavigasi laman web dengan cekap, menjejaki perkembangan anda dari halaman ke halaman supaya anda tidak diminta maklumat yang telah anda berikan ketika lawatan semasa, atau maklumat yang diperlukan untuk melengkapkan sesuatu transaksi. Kuki sesi disimpan dalam ingatan sementara dan dipadamkan apabila pelayar web ditutup. Kuki berterusan pula menyimpan keutamaan pengguna untuk lawatan semasa dan lawatan seterusnya. Kuki tersebut ditulis pada cakera keras peranti anda dan masih sah apabila anda memulakan semula pelayar anda. Kami menggunakan kuki berterusan, contohnya, untuk merekodkan pilihan bahasa dan lokasi negara anda.

Bagaimanakah cara untuk menyatakan keutamaan privasi tentang penggunaan kuki?

Apabila melawat laman web atau perkhidmatan dalam talian kami, anda mungkin dapat menetapkan keutamaan anda tentang kuki dan teknik lain yang serupa dengan menggunakan pilihan dan alat yang tersedia bagi anda oleh pelayar web anda atau IBM. Sekiranya pengurus kuki telah dilaksanakan oleh IBM, ia akan dipaparkan pada lawatan pertama anda ke laman web kami. Dengan mengklik 'keutamaan kuki' di pengaki laman web IBM, anda boleh memilih dan menukar jenis kuki yang anda ingin laman web kami serta perkhidmatan Awan IBM gunakan pada bila-bila masa. Anda boleh menyatakan keutamaan anda untuk kuki yang diperlukan, kuki diperlukan dan berfungsi atau kuki diperlukan, berfungsi dan pemeribadian. Di sini anda juga boleh mendapatkan lebih banyak maklumat tentang jenis kuki yang digunakan. Menggunakan

keutamaan kuki tidak akan menyebabkan pemadaman kuki yang sudah ada pada peranti anda. Anda boleh memadam kuki yang sudah ada pada peranti anda melalui tetapan pelayar web anda.

Walaupun laman web, perkhidmatan dalam talian dan Awan IBM pada masa ini tidak mengiktiraf isyarat pelayar automatik tentang mekanisme penjejakan, seperti arahan "jangan menjejak", secara umumnya anda boleh menyatakan keutamaan privasi anda tentang penggunaan kebanyakan kuki serta teknologi yang serupa melalui pelayar web anda. Lihat bahagian di bawah tajuk "Alat" (atau tajuk yang serupa) dalam pelayar anda yang tertentu untuk maklumat tentang mengawal kuki. Dalam kebanyakan kes, anda boleh menetapkan pelayar anda untuk memberitahu anda sebelum anda menerima kuki dan memberi anda peluang untuk memutuskan sama ada untuk menerima kuki. Anda juga secara umumnya boleh menetapkan pelayar anda untuk mematikan kuki. Kuki dalam produk perisian kami boleh dimatikan dalam produk itu sendiri. Memandangkan kuki membolehkan anda memanfaatkan beberapa ciri laman web kami atau ciri produk perisian dan perkhidmatan Awan IBM kami, kami mengesyorkan agar anda membiarkan kuki hidup. Sekiranya anda menyekat, mematikan atau menolak kuki kami, sesetengah halaman web mungkin tidak akan dipaparkan dengan betul atau anda tidak boleh, misalnya, menambah item ke troli beli-belah anda, meneruskan ke semak keluar atau menggunakan mana-mana laman web atau perkhidmatan Awan IBM yang menghendaki anda mendaftar masuk.

Bikon web atau teknologi lain

Sesetengah laman web IBM, perkhidmatan Awan IBM dan produk perisian juga mungkin menggunakan suar web atau teknologi lain untuk menyesuaikan laman web tersebut untuk memberikan perkhidmatan pelanggan yang lebih baik. Teknologi ini mungkin digunakan di beberapa halaman di seluruh laman web IBM. Apabila seseorang pengunjung mengakses halaman ini, suatu notis yang tidak dapat dikenal pasti tentang lawatan itu dijana, yang mungkin diproses oleh kami atau oleh pembekal kami. Suar web ini biasanya berfungsi bersama dengan kuki. Jika anda tidak mahu maklumat kuki anda dikaitkan dengan lawatan anda ke laman ini atau penggunaan produk ini, anda boleh menetapkan pelayar anda untuk mematikan kuki atau mematikan kuki dalam produk itu sendiri, masing-masingnya. Jika anda mematikan kuki, suar web dan teknologi lain masih akan menjejak lawatan ke halaman ini; walau bagaimanapun, ia tidak akan dikaitkan dengan maklumat yang disimpan dalam kuki.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang teknologi yang digunakan oleh perkhidmatan Awan IBM dan produk perisian kami, termasuk cara untuk memamatkannya, sila rujuk panduan pengguna bagi produk perisian tertentu atau perkhidmatan Awan IBM yang anda gunakan.

Kami menggunakan Objek Kongsi Tempatan, seperti kuki Kilat, dan Storan Tempatan, seperti HTML5, untuk menyimpan maklumat dan keutamaan kandungan. Pihak ketiga yang kami jadikan rakan kongsi untuk menyediakan ciri-ciri tertentu di laman web kami atau untuk memaparkan pengiklanan IBM di laman web pihak lain berdasarkan aktiviti pelayaran web anda juga menggunakan kuki Kilat atau HTML5 untuk mengumpul dan menyimpan maklumat. Pelbagai pelayar mungkin menawarkan alat pengurusan tersendiri untuk mengalih keluar HTML5. Untuk menguruskan kuki Kilat, sila klik [di sini](#).

Kami juga mungkin memasukkan suar web dalam mesej e-mel pemasaran atau surat berita kami untuk menentukan sama ada mesej telah dibuka dan pautan yang terkandung di dalamnya telah diklik.

Sesetengah rakan perniagaan kami menetapkan suar web dan kuki di laman web kami. Di samping itu, butang media sosial pihak ketiga mungkin mengelog maklumat tertentu seperti alamat IP anda, jenis pelayar dan bahasa, masa akses, serta alamat laman web rujukan, dan, jika anda log masuk ke laman media sosial itu, ia juga mungkin memautkan maklumat yang dikumpulkan dengan maklumat profil anda di laman web tersebut. Kami tidak mengawal teknologi penjejakan pihak ketiga ini. Ambil perhatian bahawa domain "s81c.com" yang digunakan untuk menyampaikan kandungan statik di sesetengah laman web kami diuruskan oleh IBM, dan bukan oleh pihak ketiga.

[Kembali ke atas](#)

Pengiklanan Dalam Talian

IBM tidak menyiarkan iklan dalam talian pihak ketiga di laman web kami tetapi kami mengiklankan produk dan perkhidmatan kami di laman web pihak lain. Sila biasakan diri anda dengan dasar privasi pengendali laman web atau pengiklan rangkaian untuk memahami amalan mereka berkaitan dengan pengiklanan, termasuk jenis maklumat yang mereka mungkin kumpulkan tentang penggunaan Internet anda.

Sesetengah rangkaian pengiklanan yang kami gunakan mungkin merupakan ahli Inisiatif Pengiklanan Rangkaian (NAI) atau Perikatan Pengiklanan Digital Interaktif Eropah (EDAA).

Individu boleh memilih keluar daripada iklan bersasaran yang disampaikan oleh rangkaian iklan ahli NAI atau EDAA dengan menggunakan alat yang disediakan di tapak berikut:

- Perikatan Pengiklanan Digital (DAA)
- Inisiatif Pengiklanan Rangkaian (NAI)
- Perikatan Pengiklanan Digital Interaktif Eropah (EDAA)

Kami juga terlibat dengan pihak ketiga tertentu untuk menguruskan sesetengah pengiklanan kami di laman web pihak lain. Pihak ketiga ini mungkin menggunakan kuki dan bicon web untuk mengumpulkan maklumat (seperti alamat IP anda) tentang aktiviti anda di laman web IBM serta pihak lain untuk memberi anda iklan IBM yang disasarkan berdasarkan minat anda:

- Di A.S. dan Kanada, iklan IBM yang disasarkan kepada anda itu akan dikenal pasti dengan ikon AdChoices, kerana IBM mengambil bahagian dalam program swaatur Perikatan Pengiklanan Digital untuk pengiklanan perilaku dalam talian (lihat youradchoices.com dan youradchoices.ca). Anda boleh klik pada ikon dalam iklan itu sendiri untuk menguruskan keutamaan anda.
- Atau, jika anda tidak mahu maklumat ini digunakan untuk tujuan menghantar iklan bersasaran kepada anda, anda boleh memilih keluar dengan mengklik [di sini](#).

Sila ambil perhatian bahawa tindakan ini tidak mengecualikan anda daripada dihantar iklan bukan disasarkan. Anda akan terus menerima iklan generik dan bukan disasarkan.

[Kembali ke atas](#)

Pautan ke Laman Web Bukan IBM dan Aplikasi Pihak Ketiga

Untuk membolehkan anda berinteraksi dengan laman web lain yang anda mungkin mempunyai akaun (seperti Facebook dan laman media sosial lain) atau menyertai komuniti di laman web sedemikian, kami mungkin menyediakan pautan atau membenamkan aplikasi pihak ketiga yang membolehkan anda mengelog masuk, menyiarkan kandungan atau menyertai komuniti dari laman web kami.

Kami juga mungkin menyediakan pautan umum ke laman web bukan IBM.

Penggunaan anda terhadap pautan dan aplikasi ini tertakluk pada dasar privasi pihak ketiga, dan anda harus biasakan diri anda dengan dasar privasi laman web pihak ketiga tersebut sebelum menggunakan pautan atau aplikasi. IBM tidak bertanggungjawab terhadap amalan privasi atau kandungan laman web pihak lain.

[Kembali ke atas](#)

Pemberitahuan Perubahan

Kami mungkin mengemas kini Pernyataan Privasi ini dari masa ke masa untuk memaparkan perubahan terhadap amalan tadbir urus data kami. Pernyataan Privasi yang disemak akan disiarkan di sini dengan tarikh semakan yang dikemas kini. Kami menggalakkan anda untuk menyemak kembali secara berkala bagi apa-apa perubahan atau pengemaskinian. Sekiranya kami membuat perubahan bahan terhadap Pernyataan Privasi kami, kami akan menyiarkan notis di bahagian atas halaman ini selama 30 hari. Dengan terus menggunakan laman web kami selepas penyemakan sedemikian berkuat kuasa, kami menganggap bahawa anda telah membaca dan memahami perubahan tersebut.

[Kembali ke atas](#)

Soalan dan Akses Privasi

Sekiranya anda mempunyai pertanyaan tentang Pernyataan Privasi ini atau pengendalian maklumat anda oleh IBM, anda boleh menghubungi kami dengan menggunakan [borang](#) ini.

Anda juga boleh menghubungi kami di:

IBM's Chief Privacy Office

1 North Castle Drive
Armonk, NY 10504

Amerika Syarikat

Dalam kes tertentu, anda mungkin mempunyai keupayaan untuk melihat, mengedit atau memadam maklumat peribadi anda secara dalam talian. Sekiranya maklumat anda tidak dapat diakses dalam talian, dan anda ingin mendapatkan salinan maklumat tertentu yang anda berikan kepada IBM, atau jika anda menyedari maklumat tersebut adalah tidak betul dan anda mahu kami membetulkannya, [hubungi kami](#). Walau bagaimanapun, sebelum IBM dapat memberi anda sebarang maklumat atau membetulkan sebarang kesilapan, kami mungkin meminta anda mengesahkan identiti anda dan memberikan butiran lain untuk membantu kami membalas permintaan anda. Kami akan menghubungi anda dalam masa 30 hari dari permintaan anda. Maklumat lanjut tentang Hak Anda boleh didapati [di sini](#).

Jika anda tidak lagi mahu menerima e-mel pemasaran daripada IBM, sila kemas kini keutamaan anda [di sini](#). Bagi langganan, sila ikut arahan hentikan langganan yang disediakan di bahagian bawah setiap e-mel.

[Kembali ke atas](#)